

SH 23/10/2019 m/s 15
Bot Malaysia, nelayan Myanmar

GEORGETOWN - Lima nelayan warga Myanmar ditahan bersama sebuah bot nelayan tempatan Kelas C di kedudukan 17 batu nautika dari Barat Daya Pulau Kendi oleh sepasukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang kelmarin.

Pengarahnya, Kepten Maritim Hamizan Harun berkata, seorang daripada mereka adalah pemegang kad Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian, tiga pemegang kad MRO manakala seorang tiada pengenalan diri.

Menurutnya, kesemua mereka yang berusia lingkungan 24 hingga 55 tahun itu ditahan kerana disyaki melanggar syarat sah lesen.

"Ketika bot peronda melakukan operasi rondaan Ops Pertiwi di sekitar perairan Pulau Pinang telah mengesan sebuah bot nelayan tempatan kelas C melaku-



Lima nelayan warga Myanmar ditahan bersama tangkapan kelmarin.

kan aktiviti menangkap ikan dalam keadaan mencurigakan.

"Pemeriksaan mendapati kelima-lima warga asing itu yang berada di atas bot tersebut disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985. Mereka ditahan bersama dua gulung pukat, dua papan tunda,

ikan campur 300 kilogram (kg), ikan baja 300 kg," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambahnya, kesemua tangkapan dan barangan sitaan dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin di Batu Uban untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut.